

10/01/1997

Intrakota akan sedia rumah pekerja

KUALA LUMPUR, Khamis - Pengurusan Intrakota Komposit Sdn Bhd, akan menyediakan perumahan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan kepada kakitangannya.

Sehubungan itu, ia sedang mencari tanah sesuai berhampiran depoh utamanya untuk mendirikan projek perumahan kos rendah yang akan disewakan kepada kakitangan.

Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Yahaya Ahmad, berkata kerajaan sudah bersetuju mengurniakan tanah untuk tapak perumahan sesuai dengan dilengkapi taman didikan kanak-kanak, pusat penjagaan kanak-kanak dan kemudahan lain yang diperlukan.

Yahaya yakin perkhidmatan kepada orang ramai boleh ditingkatkan jika kebajikan pekerja diberi perhatian.

"Saya sendiri sudah mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai hal ini dan Perdana Menteri bersetuju supaya kemudahan perumahan kepada pekerja disediakan.

"Sebagai aset penting syarikat, kita yakin pekerja akan meningkatkan mutu perkhidmatan apabila kebajikan mereka dijaga terutama kemudahan tempat tinggal yang selesa," katanya.

(END)